

Penstrukturan subsidi minyak diperbaiki

PUTRAJAYA: Penstrukturan semula sistem subsidi bahan api negara akan ditambah baik secara berterusan bagi mengurangkan lagi beban yang kini terpaksa ditanggung golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Amirsham A Aziz, berkata penambahbaikan itu juga akan membabitkan usaha menampal ketirisan, meningkatkan penjimatan dan menjadikan ekonomi negara lebih berkesan.

"Selain itu, lebih banyak projek akan turut ditawarkan melalui sistem tender bagi memastikan penetapan harga yang lebih berdaya saing," katanya yang bertanggungjawab terhadap Unit Perancang Ekonomi (EPU), dalam satu temu bual dengan *Bernama* di sini, semalam.

Beliau berkata, wang yang dijimatkan berikutan penstrukturan semula subsidi bahan api itu akan digunakan untuk meningkatkan bekalan bahan makanan, memastikan keselamatan

B-11 24/6/09 M12
bekalan makanan serta memastikan harga berada pada paras termampu.

Amirsham yang juga bekas Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Maybank berkata, kerajaan juga berusaha merangka satu pelan komprehensif untuk menambah baik mutu perkhidmatan sistem pengangkutan awam.

Mengenai rebat tunai subsidi minyak kepada pemilik kenderaan, katanya, kerajaan mencari satu penye-

lesaian berasaskan MyKad mengikut prinsip penggunaan bahan api berbanding sistem semasa kerana ketika ini tidak berasaskan penggunaan.

"Penstrukturan semula subsidi itu akan menampal sebarang ketirisan di dalam sistem subsidi dan memastikan hanya golongan yang disasarkan seperti golongan miskin dan kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana akan mendapat manfaatnya," katanya.

Selain rebat tunai kepada pemilik kenderaan, katanya, kerajaan juga akan melaksanakan pelbagai langkah jaminan keselamatan sosial dengan menyediakan lebih banyak bantuan terhadap golongan kurang upaya dan memastikan pengguna elektrik yang kecil tidak menerima kesan kenaikan tarif.

Amirsham berkata, pertumbuhan ekonomi negara dijangka melantun semula selepas pelarasan dilakukan harga bahan api yang lebih tinggi di negara ini.



Amirsham A Aziz

Beliau menganggarkan bahawa Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara akan mencapai paras sekitar lima peratus tahun ini berbanding dengan unjuran awal sebelum kenaikan harga bahan api antara enam hingga 6.5 peratus.

FAKTA NOMBOR

Peratusan KDNK

5

Sasaran tahun ini

6.5

Unjuran awal tahun ini